



Headline: Peniaga rugi ditipu Sarjan Jefri
Publication/Portal: Kosmo
Date: 4 May 2019

Language: Malay
Section: Negara
Page: 17

Peniaga rugi ditipu Sarjan Jefri

KUANTAN - Panik diugut dengan hukuman penjara seumur hidup kerana dikatakan terlibat kes pengubahan wang haram berjumlah RM1.2 juta, seorang peniaga telah menyerahkan nama dan kata laluan perbankan internet miliknya sehingga kerugian RM56,479.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, lelaki berusia 51 tahun itu menerima panggilan telefon daripada seorang suspek kelmarin.

Menurut Mohd. Wazir, suspek memperkenalkan diri sebagai Olivia Joseph itu menyamar sebagai pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ketika menghubungi mangsa.

"Suspek mendakwa mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram berjumlah RM1.2 juta dan waran tangkap sudah dikeluarkan ke atasnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Katanya, mangsa menafikan dakwaan itu sebelum perbualan disambung kepada seorang lagi suspek lelaki yang menyamar

anggota polis memperkenalkan diri sebagai Sarjan Jefri.

"Sarjan Jefri pula mendakwa, mangsa boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup. Apabila mangsa membuat penafian, Sarjan Jefri menyatakan ada pihak yang boleh membantu pengadu," jelasnya.

Dalam pada itu, Mohd. Wazir memberitahu, mangsa juga menerima panggilan telefon daripada individu memperkenalkan diri sebagai Datuk dan menawarkan bantuan untuk menyelesaikan kes itu.

Ujarnya, suspek meminta maklumat akaun milik mangsa dan seterusnya mengarahkan peniaga itu membuka akaun bank yang lain.

"Sejurus membuka akaun bank lain, suspek meminta mangsa membuat pemindahan wang ke dalam akaun baharu dan berjanji kes akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

"Tidak lama selepas itu, mangsa membuat semakan di bank dan mendapati baki akaunnya hanya tinggal RM33 manakala RM56,479.80 sudah lesap," katanya.